



MAJLIS DAERAH YONG PENG
KM 1, JALAN LABIS, 83700 YONG PENG, JOHOR
TEL: 07- 4671276 FAX: 07- 4671712

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada Penyebut harga (**Bumiputra**) dalam kelas **CIDB** yang dinyatakan dan berdaftar di dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :

NO TAWARAN MDYP	PERIHAL KERJA	GRED	KATEGORI	PENGGHUSUSAN	BAYARAN (RM)
MDYP 08/2022 (MDYP) Sebut Harga Semula	Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Penyewaan Kafeteria Di Majlis Daerah Yong Peng Untuk Tempoh Dua (2) Tahun.	-	Perkhidmatan	040101 040102 040103	30.00
MDYP 11/2022 (MDYP)	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Kawasan Taman JPN, Yong Peng	G1	CE	CE34	30.00
MDYP 12/2022 (MDYP)	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Taman Bukit Tropika, Yong Peng	G2	CE	CE01	50.00
MDYP 13/2022 (MDYP)	Kerja-kerja Menaiktaraf Taman Permainan Serta Kerja-kerja berkaitan Di Taman Desa Yong Peng	G1	CE	CE14	30.00
MDYP 14/2022 (MDYP)	Kerja-kerja Menaiktaraf Taman Permainan Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Taman Bertam Yong Peng	G1	CE	CE14	30.00

MDYP 15/2022 (MDYP)	Kerja-kerja Menaiktaraf Bangunan Gerai Arena Warna, Ayer Hitam	G1	B	B24	30.00
MDYP 16/2022 (MDYP)	Kerja-kerja Menaiktaraf Lampu Jalan HPSV Kepada Lampu LED Di Jalan Labis, Yong Peng	G1 G2	E	E16	30.00
MDYP 17/2022 (MDYP)	Perkhidmatan Penyelenggaraan Serta Pembersihan Di Terminal Bas Dan Teksi, Bandar Baru Ayer Hitam	-	Perkhidmatan	221001 221002 221003	30.00
MDYP 18/2022 (MDYP)	Perkhidmatan Penyelenggaraan Serta Pembersihan Arena Warna, Bandar Baru Ayer Hitam	-	Perkhidmatan	221001 221002 221003	30.00
MDYP 19/2022 (MDYP)	Membekal Rangka Papan Iklan (Banner)	-	Bekalan	010401	30.00

2. Dokumen meja dan dokumen sebut harga boleh disemak dan didapati di **Aras Bawah Pandu Lalu Pejabat Majlis Daerah Yong Peng** dengan bayaran secara **Draf Bank, Wang Pos atau Wang Kiriman Pos Berpalang** di atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng** pada waktu pejabat mulai **25 April 2022 (Isnin)** hingga **02 Mei 2022 (Isnin)**.

3. Dokumen tawaran akan dijual kepada penama yang sah sahaja dengan mengemukakan dokumen asal pendaftaran dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Lembaga Pembangunan Perindustrian Pembinaan Malaysia (CIDB), Johor Centre For Construction Development (JCCD), Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)**, tempoh sah laku lesen hendaklah sekurang-kurangnya **6 bulan** dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga perlu menyertakan maklumat lengkap termasuk penyata bank terkini (**3 bulan**) yang disahkan oleh pihak bank berserta nama pegawai di dalam dokumen sebut harga. Mana-mana kontraktor yang tidak melampirkan salah satu (1) maklumat di atas, sebut harga berkenaan tidak akan **DIPERTIMBANGKAN**.

4. Bagi tawaran yang diterima melalui pos kepada **Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng** hendaklah sampai sebelum tarikh dan waktu tutup sebut harga.

5. Semua dokumen sebut harga yang telah lengkap dengan mencatatkan nombor tawaran di sebelah atas (kiri) sampul hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Aras Bawah Pandu Lalu, Pejabat Majlis Daerah Yong Peng, Km 1, Jalan Labis, 83700 Yong Peng, Johor** selewat-lewatnya pada **02 Mei 2022 (Isnin)** jam 12.00 tengahari.

6. Penyebut harga yang tidak menerima jawapan selepas 3 bulan daripada tarikh tutup dianggap tidak berjaya.

7. Penyebut harga dinasihatkan supaya melawat dan meninjau tapak bina sebelum memasuki tawaran sebut harga/tender. Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam butiran lain dan haruslah dilaksanakan. **Taklimat dan Lawatan Tapak (jika perlu) akan diaturkan.**



**Yang Dipertua
Majlis Daerah Yong Peng
Johor Darul Takzim**

s.k **Tuan Setiausaha** - Untuk makluman
Majlis Daerah Yong Peng

Tarikh : 21 APR 2022